



## UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal, Melaka

Tel : 06-331 6159 Faks : 06-331 6115

E-mail : [bendahari@utem.edu.my](mailto:bendahari@utem.edu.my)

### PEJABAT BENDAHARI

Rujukan Kami (Our Ref.) : UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jilid 2 (3)

Rujukan Tuan (Your Ref.) :



27 Januari 2012

3 Rabiulawal1433H

### SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 3/2012

Semua

Ketua Pusat Tanggungjawab

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Durian Tunggal, Melaka

*Assalamualaikum wrt. wbt.,*

Y. Bhg. Datuk/Prof/Dr./Tuan/Puan,

### CETAKAN SENDIRI PENYATA PENDAPATAN BUKAN PENGGAJIAN

#### 1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka mengenai cetakan sendiri Penyata Pendapatan Bukan Penggajian melalui portal SMKB yang boleh dicapai melalui laman sesawang Universiti.

#### 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Seperti sedia maklum, pada setiap tahun Pejabat Bendahari akan mengedarkan Penyata Pendapatan Bukan Penggajian kepada semua staf Universiti sebelum 31 haribulan Januari.

## **SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 3/2012**

### **CETAKAN SENDIRI PENYATA PENDAPATAN BUKAN PENGGAJIAN**

- 2.2 Untuk menambahbaik proses sedia ada, Pejabat Bendahari kini turut memanjangkan cetakan sendiri Penyata Pendapatan Bukan Penggajian yang boleh dilakukan melalui portal SMKB.

### **3.0 PANDUAN CETAKAN**

- 3.1 Staf perlu melakukan proses instalasi maklumat (laporan viewer) sebelum melakukan sebarang cetakan penyata melalui portal UTeM;
- 3.2 Panduan instalasi boleh diperolehi melalui portal SMKB di laman sesawang Universiti. Sila ke *link* muat turun panduan dan seterusnya memilih *link* laporan viewer untuk proses instalasi;
- 3.3 Sekiranya instalasi telah dilakukan, staf tidak perlu melakukan proses berkenaan untuk kali kedua;
- 3.4 Selepas proses instalasi berjaya, staf boleh membuat pilihan cetakan penyata yang berkaitan di portal SMKB.
- 3.5 Staf boleh membuat cetakan penyata untuk tahun-tahun sebelumnya dengan memilih tahun yang dikehendaki;
- 3.6 Walau bagaimanapun bagi cetakan data pada tahun semasa, data yang disediakan adalah sehingga pembayaran terakhir diterima. Pembayaran dalam proses tidak akan dipaparkan.

### **4.0 PENGESAHAN**

- 4.1 Bagi tujuan tertentu yang memerlukan pengesahan penyata berkaitan, staf boleh mendapatkan pengesahan tersebut di Unit Pembayaran, Pejabat Bendahari.

Rujukan Kami (Our Ref.) : UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jilid 2 (3)  
Rujukan Tuan (Your Ref.) :

**SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 3/2012**

**CETAKAN SENDIRI PENYATA PENDAPATAN BUKAN PENGGAJIAN**

**5.0 MAKLUMAN TARIKH KUATKUASA CETAKAN SENDIRI**

5.1 Staf boleh mula mencetak Penyata Pendapatan Bukan Penggajian bagi tahun 2011 berkuat kuasa dari tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

**6.0 KUATKUASA PEKELILING**

6.1 Pekeliling ini berkuatkuasa dari tarikh ia dikeluarkan. Sehubungan dengan itu, Pejabat Bendahari tidak akan lagi membuat cetakan Penyata Pendapatan Bukan Penggajian mulai tahun 2012.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menurut perintah,



**KHAIRUL BIN TAIB**

Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

s.k. **Y. Bhg. Prof. Datuk Dr.Ahmad Yusoff bin Hassan**  
Naib Canselor

**Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim Bin Suaidi**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

**Y. Bhg. Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)